

MELAYU BOLEH MAJU JIKA TIDAK HARAP KAYA CEPAT

ALURSETAR 12 Dis. -Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin **orang** Melayu boleh maju dan berjaya **sepertimana** **peniaga** bukan Melayu sekiranya mereka **serius**, **jujur** dan tidak mengharap menjadi **kaya** cepat.

"Kalau **kita** berniaga dengan **cara** yang betul di mana sekalipun, perniagaan **kita** lambat laun akan maju **juga**," kata **Dato' Sri** Dr. Mahathir.

Menurut beliau, **para** **peniaga** kecil perlu mencari **jalan** untuk menarik **para** **pembeli** seperti menjual barang-barang yang bermutu di **samping** **meningkatkan** taraf persekitaran tempat- tempat perniagaan seperti **pasaraya**.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika bercuap di majlis jamuan makan **malam** sempena Projek Usahawan Siswa dan Masyarakat Pekan

Rabu, di Dewan Dato' Syed Omar, di **sini** **malam** **tadi**.

Turut **sama** ialah Dato' Sri Datin **Paduka** Dr. Siti Hasmah Mohd **Ali**, Menteri Besar, **Tan** Sri Haji Osman Aroff dan isteri serta Naib Canselor **Universiti** **Sains** Malaysia, Dato' Haji Musa Mohamad.

Kata **Perdana** Menteri, **orang-orang** Melayu sebenarnya **mempunyai** **banyak** peluang untuk **menceburkan** diri **dalam** perniagaan tidak ramai dilibatkan oleh **orang** Melayu kerana kesanggupan kerajaan untuk **memberi** latihan dan menyediakan **tempat-tempat** niaga.

Mengenai Pekan Rabu, **Perdana** Menteri berkata, kompleks **tersebut** boleh menjadi lebih maju seperti **pasaraya** **terkenal** di ibu negara jika perniagaan di situ **tersusun** dan persekitaran yang bersih.